

Arahan: Jawab semua soalan dalam setiap bahagian.

BAHAGIAN A
[15 markah]

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.



- 1 Yan Ling _____ kain sebelum menyidainya di atas ampaian.
A memerah
B membilas
C memutar
D mengilas
- 2 Jalur Gemilang di Dataran Merdeka _____ megah apabila ditiup angin.
A berliuk-liuk
B berkibar-kibar
C berlambai-lambai
D berlenggok-lenggok

Soalan 3 – 4

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- 3 I Lada itu ditumbuknya hingga *hancur*.
II Sesebuah negara akan *hancur* jika rakyatnya berpecah belah.
III Kubu pertahanan itu *hancur* kena bom daripada pihak musuh.
IV Biskut di dalam tin itu *hancur* apabila tin yang dipegang oleh adik terhempas ke lantai.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja
- 4 I Isu buli siber *hangat* dibicarakan dalam media sosial.
II Karnival itu mendapat sambutan *hangat* daripada para pengunjung.
III Aktiviti kokurikulum dibatalkan kerana cuaca agak *hangat* pada petang itu.
IV “Janganlah malu-malu. Kuih-muih ini enak dimakan ketika masih *hangat*,” pelawa Imran.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 5 – 6

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 5 Lain-lain amalan seperti membawa beg sendiri semasa membeli-belah turut membawa kesan lestari yang besar kepada alam sekitar.
 A Amalan lain-lain
 B Amalan-amalan lain
 C Lain amalan-amalan
 D Lain-lain amalan
- 6 Penduduk Kampung Sentosa sentiasa mengamalkan sikap saling tolong-menolong bila diadakan majlis kenduri.
 A tolong-menolong bila
 B saling menolong apabila
 C saling tolong-menolong apabila
 D saling tolong-menolong bila

Soalan 7 – 8

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 7 I Semangat patriotik dan cintakan negara perlu dipupuk dan disemat dalam diri seseorang sejak kecil.
 II Untuk menambahkan pendapatan, Razali melakukan kerja sambil selepas waktu pejabat.
 III Ibu menjahit sepasang baju kurung berwarna merah jambu untuk saya dan kakak.
 IV Rendang ayam yang dimasak nenek habis kami makan kerana terlalu sedap.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja
- 8 I Simpanan juga boleh dibuat dalam bentuk pelaburan dan insurans.
 II Kaedah pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian memang ada kelebihan.
 III Terdapat pelbagai cara-cara untuk memupuk perpaduan dalam kalangan masyarakat.
 IV Pernyataan graduan dalam bidang pertanian semakin meningkat dari masa ke semasa.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 9

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 9 Sektor pertanian dapat memberikan pulangan yang lumayan sekiranya diusahakan dengan **bersungguh-sungguh**.
 A Pendapatan yang lumayan boleh diperoleh melalui industri pertanian.
 B Perusahaan dalam bidang pertanian dapat memberikan keuntungan yang banyak.
 C Kita perlu bersungguh-sungguh sekiranya mahu mendapat pulangan yang lumayan dalam semua bidang pertanian.
 D Bidang pertanian dapat memberikan keuntungan yang lumayan andai kata diusahakan dengan kesungguhan.

Soalan 10

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 10 Walaupun Aida bergaji tinggi, namun dia sering menghadapi masalah kewangan kerana dia suka membeli barangan berjenama. Keadaan Aida ini diibaratkan
- A berkain tiga hasta.
 - B beri betis hendak paha.
 - C ukur baju di badan sendiri.
 - D besar periuk, besarlah keraknya.

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 11 – 15 berdasarkan bahan di bawah.

DATUK PENGHULU : Assalamualaikum. (Dari bawah).

FAUZIAH : Ayah, ada orang datang.

PAK MAIL : (Bangun menuju ke pintu) Waalaikumussalam. Oh, Tuk Penghulu! Sila naik, Tuk.

ARAHAN : (DATUK PENGHULU dan ENCIK MUSA masuk ke dalam rumah.)

DATUK PENGHULU : Pak Mail, saya perkenalkan, ini Encik Musa, pegawai tentera dari Kementerian Pertahanan di Kuala Lumpur.

PAK MAIL : Apa khabar, Encik Musa? Sila duduk.

ENCIK MUSA : Khabar baik. Terima kasih.

ARAHAN : (Setelah mereka duduk, FAUZIAH masuk ke dalam.)

DATUK PENGHULU : Begini, Pak Mail. Encik Musa datang ke sini kerana ada tugas.

PAK MAIL : Oh, begitu! Apa halnya, Encik Musa?

ENCIK MUSA : Begini, Pak Mail. Saya datang ini untuk menyampaikan penghargaan negara kepada keluarga Pak Mail kerana kematian Sarjan Akhbar semasa bertempur di sempadan dahulu. Kami bersimpati benar dengan keluarga Pak Mail, terutamanya kepada Puan Fauziah dan dua orang anaknya.

PAK MAIL : Terima kasihlah, Encik Musa. Kami memanglah sedang menghadapi masalah sekarang ini, terutamanya dalam hal persekolahan Hayati. Hari ini dia pulang dari asrama.

ENCIK MUSA : Mengapa begitu, Pak Mail?

PAK MAIL : Masalah belanja, Encik Musa. Nampaknya saya terpaksa mencari satu punca tetap untuk membantu persekolahannya. Saya sudah pun memberitahu Tuk Penghulu akan hal ini.

Dipetik dan diubah suai daripada drama 'Hadiah',
antologi *Kuingin Berterima Kasih*, Tingkatan 1,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- 11 Apakah tujuan Encik Musa datang ke rumah Pak Mail?

- A Untuk berjumpa dengan Pak Mail.
- B Untuk berjumpa dengan keluarga Sarjan Akhbar.
- C Untuk mengucapkan takziah kepada keluarga Sarjan Akhbar.
- D Untuk menyampaikan penghargaan negara kepada Fauziah kerana mengenang jasa arwah suaminya.

- 12 Yang berikut merupakan latar masyarakat yang terdapat dalam drama *Hadiah*, kecuali

- A masyarakat yang baik hati.
- B masyarakat yang menjaga amanah dengan baik.
- C masyarakat ibu tunggal yang memelihara anaknya tanpa suami.
- D masyarakat perajurit yang sanggup berkorban demi mempertahankan negara.

13

Nampaknya saya terpaksa mencari satu punca tetap untuk membantu persekolahannya. Saya sudah pun memberitahu Tuk Penghulu akan hal ini.

Apakah nilai yang ditunjukkan oleh Pak Mail?

- | | |
|--------------------|-----------|
| A Bertanggungjawab | C Simpati |
| B Kasih sayang | D Amanah |

14

Saya datang ini untuk menyampaikan penghargaan negara kepada keluarga Pak Mail kerana kematian Sarjan Akhbar semasa bertempur di sempadan dahulu.

Peribahasa yang sesuai untuk menggambarkan situasi di atas ialah

- A baik membawa resmi padi daripada membawa resmi lalang.
- B hancur badan dikandung tanah, budi baik dikenang juga.
- C berapa berat mata memandang, berat lagi bahu memikul.
- D ada ubi ada batas, ada masa boleh balas.

15 Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan drama di atas?

- A Datuk Penghulu melawat Pak Mail sekeluarga.
- B Hayati pulang ke rumah kerana menghadapi masalah di asrama.
- C Hidup Pak Mail sekeluarga agak susah selepas kematian Akhbar.
- D Encik Musa memberikan sumbangan peribadi kepada Fauziah kerana bersimpati dengannya dan dua orang anaknya.